

Metodologi Dalam Persembahan Maqamat : Suatu Perbahasan Awal

Muhammad Lukman Bin Ibrahim
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Negeri Sembilan
Tel : +60139355277 Email : mdlukman@usim.edu.my

Abstrak

AlQuran adalah kitab luar biasa yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad saw. Bahkan ia merupakan mukjizat tertinggi yang mengatasi semua kitab sepanjang umur dunia ini. Keistimewaannya amat jelas iaitu tilawah setiap patah perkataannya, bahkan hurufnya sahaja sudah diganjari pahala tertentu dan termasuk amal ibadat yang amat dituntut. Justeru, rentetan bacaan yang baik dan mempunyai sifat tahsin adalah sebahagian dari tuntutan tersebut. Tambahan pula, gaya bacaan yang baik memerlukan kaedah yang tuntas disebut sebagai metodologi dalam ilmu tarannum atau maqamat. Dengan itu, artikel ini membahaskan tentang kaedah metodologi yang betul dalam ilmu tarannum alQuran.

Kata kunci : al-Quran, tarannum, tahsin, tilawah, metodologi.

Pendahuluan

Ilmu tarannum adalah adalah suatu ilmu yang telah wujud zaman sebelum Islam lagi. Hakikat nya Islam membenarkan mu ini hiasi setelah al-quran diturunkan kepada Nabi saw.

Asas di dalam ilmu tarannum ini Nabi saw

Antaranya ialah anjuran Rasulullah saw,

ما أذن لشيء ما أذن للنبي أن يتغن لقرآن

Maksudnya : *Allah swt tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu sebagaimana Allah swt mendengar kepada seorang nabi yang melagukan (tarannum) Al-Quran. (alBukhari, 1345h).*

Daripada hadis ini dapat difahami dengan jelas bahawa Nabi saw menganjurkan baik secara bertarannum.

Bahkan bacaan al-quran yang elok menambah seri bacaan al-quran tersebut dan yang akan menunjukkan kelemahan AlQuran kitab sangat mulia kerana ia kalam Allah dengan itu hubungan di antara kedua-duanya tarannum dan Tilawah AlQuran adalah sangat kuat dan jelas.

2.0 Sejarah Ilmu Tarannum

Dari sudut sejarah, ilmu tarannum sudah bertapak sejak sebelum zaman Nabi saw. Ianya dikenali sebagai ilmu lagu atau maqamat yang selalu dialunkan oleh bangsa Arab. Sebagaimana yang diketahui masyarakat arab adalah bangsa yang sangat menyukai hiburan dan bunyi-bunyian yang baik. bahkan sehingga ke hari ini mereka masih meneruskan budaya tersebut.

Setiap bangsa mempunyai cara dan alatan untuk menghiburkan diri masing-masing. sebagai contoh masyarakat Cina mempunyai kecapi, India pula mempunyai gendang, masyarakat Melayu mempunyai kompang dan masyarakat Arab mempunyai seruling.

Begitulah cara mereka menunjukkan suasana kegembiraan dan hiburan yang telah menjadi budaya dikalangan setiap bangsa.

Selagi mana ia menuruti luns-luns yang dibenarkan oleh agama Islam, maka tiada halangan untuk orang Islam berhibur di dalam batas-batas yang dibenarkan. Bahkan Nabi saw menyebutkan didalam sebuah hadis, agar umatnya merehatkan diri kerana ada waktu dan masanya kita merasa keletihan dan jemu. Pada ketika itu kita perlu mencari hiburan atau kerehatan yang dibenarkan di dalam Islam.

Bertarannum pula adalah termasuk salah satu cabang untuk berhibur dalam ruang lingkup yang betul.

Sabda Rasulullah saw

روحوا القلوب ساعة فساعة

Maksudnya : Rehatkanlah hati kamu seketika kemudian pada ketika yang lain pula(al-Munawi, 1356h)

Masyarakat Arab juga digambarkan mempunyai Pelbagai bentuk nyanyian ini termasuk Allah nyanyian ketika santai dan berehat juga nyanyian bersama kumpulan masyarakat dan juga Nyanyian dalam bentuk meratap ketika hari pengkebumian.(al-said Labib, 1970m)

Ibnu al-arabi mengatakan bahawa masyarakat Arab suka menyanyi bertarannum sama ada ketika bermusafir ataupun ketika berehat bersantai di halaman rumah mereka. (Ibn alAthir, 1963)

Tabiat ini dipanggil budaya Arab dan Nabi saw tidaklah menghalang budaya ini. hanya Baginda saw mengubah dan menghalakan keseronokan berhibur itu kepada AlQuran.(al-asqalani, 1414h)

Bila di telusuri sejarah, sesungguhnya budaya bertarannum ini tidak hanya wujud pada zaman Nabi saw bahkan ya telah diketahui diamalkan oleh Nabi Allah Daud Alaihissalam ketika membaca kitab Zabur.

أن داود كان يقرأ الزبر بسبعين لحنا

Maksudnya : Bahawa nabi Dawud ﷺ membaca kitab Zabur dengan 70 tarannum lagu (al-Asqalani, 1414h)

Baginda diberi mukjizat dengan suara yang sangat merdu yang boleh menghilangkan kesakitan, Menenangkan jiwa sehingga haiwan haiwan di daratan mahupun di lautan akan berdiam diri penuh khusyuk mendengar bacaan Baginda Alaihissalam. (al-Asqalani, 1414h)

Hakikat ini juga berlaku pada zaman Nabi saw kerana beberapa sahabat Baginda saw memang diketahui adalah merupakan para cari yang di iktiraf Baginda saw. Mereka adalah Ibn Mas'ud, Abu Musa al-Asy 'ari, Salim mawla Abi Huzayfah, Ubay bin Ka'b, Mu'adh bin Jabal, Usayd bin Hudayr dan lain-lain (Muslim, 1995) (Nawawi 1392h)

Metodologi Tarannum

Metodologi tarannum bermaksud iaitu kaedah atau sistem bacaan kepuraan berdasarkan prinsip ilmu tarannum. Ia sangat penting kerana tanpa kaedah dan prinsip yang betul maka bacaan tersebut tidak akan menghasilkan tahsin. Tahsin yang dimaksudkan ialah kaedah-kaedah yang menghasilkan bacaan yang merdu serta memberi sentuhan ketenangan kepada pembaca dan pendengar. Apabila kita mendengar seorang qari membaca AlQuran, yang merdu dan baik bacaannya, dia tidak hanya terhasil dari suara yang baik sahaja, bahkan ia disebabkan oleh metodologi yang dibincangkan ini. Begitu juga, suara yang baik tanpa kaedah dan metodologi yang betul tidak menghasilkan bacaan tahsin yang menarik.

Dalam ilmu tarannum, metodologi ini dikenali dengan beberapa istilah tertentu seperti berikut:

Harakat

Harakat sesuatu tarannum adalah gaya dan kaedah bacaan pada sesuatu ayat terdiri daripada beberapa qit'ah dan mahattah.

Istilah harakat juga digunakan di dalam ilmu tajwid AlQuran. Namun ia adalah memberi makna berbeza.

Perbezaan harakat tajwid dan tarannum

	Harakat tajwid	Harakat tarannum
1	Ia bermaksud bacaan yang perlu dipanjangkan sama ada 2,4,5 atau enam	Ia tidak berkaitan panjang dan pendek
2	Ukurannya dikira berdasarkan gerakan jari sama ada membuka gerakan membuka atau menutupnya.	Ia dikira berdasarkan gerakan qit'ah.
3	Harakat adalah berkait dengan mad yang sudah ditentukan kadarnya dalam ilmu tajwid. Misalnya lazim adalah 6 harakat sementara mad wajib muttasil adalah 4 dan 5 harakat	Kebiasaan satu harakat terdapat 3 qit'ah ke atas.

Dalam bacaan al-quran secara bertaranum biasanya mempunyai 4 harakat dibawa oleh seorang Qari. Setiap harakat pula mempunyai peranannya yang tersendiri.

Harakat pertama : ia dipanggil harakat pembukaan kebiasaan akan menggunakan tabaqah qarar.

Harakat yang kedua : iaitu harakat yang dikira rangsangan oleh suara yang menaik sedikit

Harakat yang ketiga : iaitu harakat yang diistilahkan sebagai jawab.

Harakat yang keempat : iaitu harakat yang disebut sebagai jawabul jawab. Ia kebiasaannya akan menggunakan suara tertinggi.

Harakat yang kelima : iaitu merupakan harakat menurun atau diistilahkan sebagai nuzul.

Harakat keenam : iaitu harakat penutup dalam suatu tarannum.

Kaedah lain yang diguna pakai ialah tarannum bayati di permulaan tidak diakhiri dengan harakat penutup. Ini kerana kebiasaannya seorang Qari akan menyambungkan bacaan dengan tarannum yang lain seperti Saba, Hijaz dan Nahawan bergantung kepada kecenderungan suara seorang qari.

Walaupun, dalam kaedah musabaqah AlQuran yang diamal di Malaysia, seorang Qari mesti membuka dan menutup persembahan bacaan dengan tarannum yang sama.

Tabaqah

Tabaqah bermaksud kedudukan atau tingkatan suara semasa suatu tarannum dipersembahkan

Suara mempunyai beberapa tingkatan :

Pertama : suara Qarar iaitu suara yang amat rendah (low key). Kebiasaan suara ini tidak begitu stabil dan sukar untuk dialunkan secara burdah yang baik. Ia sangat kelihatan dipengaruhi oleh suara dada.

Kedua : suara nawwah¹²² iaitu suara diangkat sedikit dan dipengaruhi suara bahagian leher. Tingkatan suara ini adalah paling biasa digunakan oleh orang awam khususnya untuk berkomunikasi. Bahkan untuk suara seorang qari, suara ini juga adalah suara yang paling dominan dalam persembahan tarannum. Ini kerana ia akan merehat bacaan dan mengurangkan tekanan nada tinggi seorang qari.

Ketiga : suara jawab¹²³ iaitu tabaqah yang meninggi dan ia dipengaruhi suara rongga hidung. Suara ini ada tekanan meninggi dan memerlukan tenaga dan udara yang lebih dari arah perut.

Keempat : tingkatan suara tertinggi yang dipanggil jawabul jawab. Suara ini dipengaruhi suara rongga kepala. Tabaqah ini adalah iatimewa kepada seorang qari. Ini kerana ia memerlukan kekuatan

¹²² Nawwah adalah dari bahasa Arab (نَوَّه) yang bermaksud naik atau meninggi. Menurut Dato Haji ustaz Nik Jaafar, ia juga dikatakan dari perkataan Nawah (نَوَّاه) yang bermaksud biji tamar. Ia digunakan demikian kerana dalam bentuk kiasan iaitu dari biji tamar akan berkembang biak menjadi pohon tamar yang besar. Begitu juga halnya dengan tabaqah nawah yang merupakan pemangkin kepada harakat seterusnya

¹²³ Jawab ialah istilah yang merujuk kepada suara tahap ketiga. Ia di sebut suara tahap tinggi. Ia dikatakan demikian kerana dalam ilmu tarannum jawaban kepada suatu tahap suara sepatutnya lebih tinggi dari tahap yang sebelumnya.

suara dan tenaga untuk melantungkannya. Begitu pula seorang qari mesti mengawal jalan tarannum agar ia tidak lari dari tahsin yang elok di kalangan ahlinya.

Kelima : tingkatan suara nuzul dan qarar adalah merupakan ulangan kepada suara nawwah dan qarar. Ini adalah penyempurnaan kepada kaedah tabaqah dalam ilmu tarannum.

Perbincangan tabaqah suara adalah perbahasan dari pakar-pakar ilmu tarannum yang menekuni bidang ini. Mungkin ada kesepakatan di kalangan mereka dan ada juga perselisihan. Ini seperti pengistilahan qarar, nawwah dan lainnya.

Ada sebahagian pakar ilmu tarannum ditimur tengah menamakan dengan qarar dan qarar alqarar.

Namun perbezaan ini tidaklah merencatkan konteks ilmu ini bahawa mereka sepakat dalam kewujudan tabaqah suara di kalangan qari AlQuran.

Mahattah

Mahattah ialah gaya penghujung sesuatu harakat secara bertarannum setiap qari yang menamatkan sesuatu harakat dalam bacaannya hendaklah memilih mahattah yang betul. Pemilihan mahattah yang betul akan menunjukkan keserasian antara harakat, tidak canggung di dalam ilmu suara, tidak merosakkan kemerduan dan keserasian antara setiap ayat.

Mahattah yang salah akan menyebabkan harakat tarannum yang seterusnya akan terkesan. Sebagai contoh, seorang qari yang memilih mahattah yang salah seperti meninggikan suara dihujung bacaan. Walhal sepatutnya dia menurunkan suaranya dengan tujuan untuk menamatkan bacaan tersebut.

Sekiranya ia berlaku di dalam sembahyang maka ia akan merencatkan emosi ahli jemaah yang solat bersama-sama kerana menganggap bahawa ia akan meneruskan bacaan sedangkan imam memilih untuk ruku'.

Dengan itu, semestinya seorang qari memilih mahattah yang betul di dalam bacaan AlQuran dan ini adalah termasuk di dalam syarat tahsin AlQuran.

Qit'ah

Qit'ah ialah gaya gerakan tarannum yang paling pendek tanpa mahattah yang tertentu.

Setiap qari yang membaca al-Quran secara bertarannum akan melakukan gerakan tarannum dan harakat yang tertentu. Harakat tersebut pula akan terdiri daripada Qit'ah dan mahattah yang tertentu pula. Qit'ah adalah suatu gerakan tarannum yang paling pendek. Ini difahami semasa mempelajari kaedah ilmu tarannum kerana ia melibatkan kefahaman gerakan seni suara semasa mengalunkan suatu ayat al-quran.

Terdapat dua jenis Qit'ah :

- 1- Qit'ah yang menggunakan wakaf berdasarkan kalimah atau ayat.
- 2- Qit'ah yang menyambung beberapa ayat atau kalimah yang pendek sehingga menemui mahattah yang betul.

Qit'ah dalam ayat atau perkataan yang pendek, biasanya dilakukan ketika membaca ayat-ayat Qisar¹²⁴ yang pendek seperti di dalam surah surah pada juzuk yang ke-30. Begitu juga Qit'ah dilakukan kepada ayat-ayat yang menimbulkan soalan seperti apakah kamu tidak berfikir?

Adapun Qit'ah yang dilaksanakan dengan menyambung beberapa ayat, ini adalah seperti membaca surah al-Duha yang menyambung tiga atau empat ayat sehinggalah menyelesaikan satu harakah dengan mahattah yang sempurna.

Qit'ah mempunyai peranan yang sangat penting kerana tanpa Qit'ah, bacaan akan menjadi seperti satu lapisan sahaja. Tiada gerakan suara dan irama tarannum yang akan mempengaruhi kemerduan dan tahap tahsin al-Quran. Namun seorang qari perlu berhati-hati kerana ilmu tarannum memerlukan talaqqi dan musyafahah supaya qit'ah itu tetap termasuk di dalam kaedah ilmu tarannum AlQuran.

Burdah

Burdah adalah bermaksud renik-renik atau bunga suara yang menarik serta sesuai ketika mengalunkan bacaan tarannum AlQuran. Burdah ini terhasil dari intonasi suara dan irama serta gerakan suara yang betul dari seorang qari AlQuran.

Ia terbahagi dua jenis :

- 1- Burdah asli iaitu burdah yang terjadi secara semulajadi. Ia dinamakan sedemikian kerana setiap qari memiliki burdah ini. Ia hanya berbeza dari sudut sifatnya sahaja. Seorang Qari mungkin mempunyai burdah suara seperti keras dan lembut, manakala seorang Qari yang lain mempunyai burdah suara yang bersifat kasar dan halus.

Begitu pula seorang Qari yang lain mempunyai renik-renik suara yang banyak getarnya. Jadi, ia berkadar dengan sifat suara asal kepada seorang qari. Burdah seperti ini tidaklah menjadi perkiraan besar di dalam ilmu tarannum kerana ia memang wujud secara asal atau semula jadi.

- 2- Burdah Sina'iy iaitu renik-renik atau bunga suara yang sengaja digubah dan disusun mengikut kaedah ilmu tarannum. ia akan kelihatan sangat menarik apabila burdah ini digubah dengan betul. Ia sama ada berdasarkan kepada perkataan atau ayat yang dialunkan dengan irama tarannum yang tertentu dan tidak lari daripada kaedah ilmu tarannum.

¹²⁴ Ayat ayat pendek

Burdah Inilah yang menjadi perbincangan kepada ilmu tarannum. Ini kerana di samping kelunakan suara, maka ada kaedah yang tertentu untuk memperelokkan suara dan jalan tarannum yang dialunkan.

Pada hakikatnya, burdah yang baik tidaklah bergantung kepada banyak atau sedikit. Ia tidak semestinya pada setiap harakat. Penentuannya Bergantung kepada kesesuaian pada ayat atau tabaqah yang dibawa.

Sebagai perbandingan, seorang wanita suka kepada bunga-bunga kerana ia akan kelihatan cantik dengan hiasan tersebut. Namun, seorang wanita tidak akan menghiasi pakaiannya dengan bunga-bunga pada keseluruhan pakaiannya. Sekiranya dia berbuat demikian maka ia akan kelihatan pelik dan tidak menarik. Boleh jadi ia akan menghiasi dengan sekuntum bunga sahaja bahkan ia sudah pun kelihatan cantik begitu. Ringkasnya, banyak atau sedikit adalah perkara nisbi dan ia bergantung kepada kesesuaian dan cara alunan tarannum dipersembahkan.

Al-Wuslah al-Mumathalah

Al-Wuslah al-Mumathalah adalah suatu gaya harakat atau air lagu yang bercampur dengan dua tarannum yang berbeza. Ia terjadi dalam dua keadaan :

- 1- Dua tarannum digabungkan dalam satu harakat. Pada hakikatnya ia adalah dua tarannum yang berbeza. Namun digabungkan untuk tujuan memperelokkannya.

Sebagai contoh seorang qari membaca tarannum nahawand kemudian berpindah kepada tarannum Rast. Qari tersebut kekal di dalam tarannum Rast hingga akhir tanpa kembali semula kepada tarannum nahawand.

- 2- Dua tarannum berbeza digabung dalam satu harakat. seorang qari berpindah dari satu tarannum kepada tarannum yang kedua, namun di hujung harakat, dia kembali kepada tarannum yang pertama.

Sebagai contoh, seorang Qari mengalunkan tarannum Rast kemudian berpindah kepada tarannum sikhah, namun di hujungnya dia kembali semula ke tarannum Rast.

Kedua-dua kaedah tersebut memberi nilai yang tersendiri dalam alunan tarannum. Ini kerana ia menambah elok sesuatu harakat tarannum yang dipersembahkan. Bahkan di dalam musabaqah AlQuran, ia dinilai sebagai istimewa. Namun kaedah ini memerlukan kemahiran serta latihan yang berterusan. ini kerana sebarang kesilapan akan merosakkan bacaan bahkan menjadi lebih buruk berbanding dengan qari yang tidak melakukan al-Wuslah al-Mumathalah.

Realitinya, apabila seorang qari mempersembahkan bacaan secara berterusan, maka lama-kelamaan bacaan akan menjadi hambar, tumpul dan tidak menarik. Disinilah peranan al-Wuslah al-Mumathalah sangat kelihatan iaitu menghidupkan kembali harakat yang kelihatan lemah tersebut.

Ikhtilal al-lahn

Ikhtilal al-lahn bermaksud kesumbangan pada suara yang dilakukan dengan sengaja oleh seorang qari berdasarkan kepada tabaqah dan irama sesuatu tarannum. Ia terjadi dalam dua keadaan :

- 1- Kesumbangan yang berlaku secara sengaja. Ia disyaratkan terkawal dan menarik. kaedah seperti ini sangat dikehendaki di dalam persembahan bacaan tarannum. Ini kerana ia menambah lagi keelokan tahsin AlQuran.
- 2- Kesumbangan nada suara secara tidak sengaja. Ini sudah tentu merosakkan serta mencacatkan tarannum serta harakat dalam persembahan bacaan.

Secara asasnya, setiap kesumbangan sama ada suara terbakar harakat dan lain-lain adalah dikira mencacatkan alunan tarannum AlQuran. Namun disana terdapat kesumbangan yang dikira baik terkawal dan menarik dalam ilmu tarannum AlQuran.

Ia seperti corak lukisan pada sehelai kertas. Lukisan memerlukan kepada pelbagai warna. Terkadang warna tersebut dicampurkan untuk menunjukkan variasi yang lebih baik tapi sekiranya campuran warna tersebut kelihatan aneh dan asing maka dia telah menghilangkan kecantikan lukisan tersebut secara keseluruhan. Begitulah juga halnya dengan ikhtilal al-lahn.

Persoalannya, Perlukah perbincangan untuk menghiasi ilmu tarannum AlQuran sampai ke tahap sumbang nada suara secara sengaja ini?

Perkara ini telah dibincangkan di kalangan ahli bidang tarannum yang mengatakan bahawa, pada hakikatnya seorang qari AlQuran telah membaca AlQuran dan berkali-kali telah melakukan sumbang nada suara ini. Ini bererti, sama ada ini disentuh atau tidak maka, khalayak akan tetap melakukan kesalahan ikhtilal al-lahn secara tidak sengaja.

Dengan itu, perbincangan ikhtilal al-lahn sebenarnya membantu para Qari untuk memperbetulkan kaedah suara ketika membaca AlQuran dan bahkan ini adalah satu tuntutan daripada Nabi saw “hasilah AlQuran dengan suara kamu”.(Abadi,1968)

Wazan

Wazan bermaksud satu timbangan suara antara harakat-harakat tarannum. Seorang qari akan membaca Al-Quran berdasarkan kepada beberapa harakat. Setiap harakat tersebut mesti memenuhi kriteria tarannum dalam persoalan harakat. Setiap perpindahan harakat, seorang qari mesti menyamakan nada suara ataupun air lagunya dan ini dipanggil wazan. Sekiranya wazan tersebut salah maka ia akan melahirkan kesumbangan suara. Sumbang suara ini adalah dikira kecacatan dalam ilmu tarannum.

Walaupun kesumbangan suara ini tidak mencatatkan untuk bacaan orang awam, namun ia menjadi kecacatan kepada seseorang yang berkemampuan namun sengaja membiarkan ia berlaku.

Kesimpulan

Metodologi tarannum adalah asas yang sangat penting untuk persembahan bacaan tarannum AlQuran yang bersifat tahsin. Seorang qari tidak mungkin dapat mencapai bacaan yang baik sekiranya ia meninggalkan metodologi yang dibincangkan.

Masih terdapat beberapa metodologi yang lebih mendetail, namun ianya adalah dikira cabangan kepada metodologi yang telah dibincangkan.

Bibliografi

al-Bukhariy, Muhammad bin Isma'il (1345h), ***Sahih al-Bukhari***, Misr : Mustafa al-Babiy al-Halabiy

Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin, al, (1356h), ***Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir***, Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.

Sila lihat 'Abduh, Muhammad (1980m), ***al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah***, Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf, Jld 10 hlm 368.

al-Sa'id Labib (1970m), ***al-Taghanniy bi al-Quran***, al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi ' wa al-Nasyr

'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar, al, (1414h) , ***Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari***, Beirut : Dar al-Fikr

Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963), ***al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar***, al-Qahirah:Maktabah Islamiyyah

Zamakhsyari, Mahmud Bin 'Umar, al, (1979m), ***al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athr***, Qahirah : Dar al-fikr

Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim , al, (1968m), ***'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud***, al-Madinah : Maktabah al-Salafi.

Nawawiy, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf , al, (1392h), ***Syarh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim***, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy

Naysaburi Muslim bin Hajjaj al-Qusyayri, al, (1995M), ***Sahih Muslim***, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi

'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar, al, (1968m), ***Tahdhib al-Tahdhib***, Beirut : Dar al-Sadir